A

PP

lwn.

ROSELI ABD RAHMAN

B

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, JOHOR BAHRU
KAMARDIN HASHIM PK
[PENYEMAKAN JENAYAH NO: MT4-43-4-2009]
30 APRIL 2009

C ***PROSEDUR JENAYAH:*** *Semakan - Majistret, kuasa-kuasa - Pemerintahan OKS dibebaskan atas jaminan sebanyak RM3,000 untuk setiap kes dengan seorang penjamin - Kesalahan saman trafik - Sama ada perlu dikenakan jamin - Sama ada Tuan Majistret khilaf bila memerintahkan beliau diarahkan dijamin keluar sementara menunggu*
D *perbicaraan kes - Kanun Prosedur Jenayah, s. 387*

Orang Kena Saman ("OKS") telah memohon kepada mahkamah ini untuk menyemak keputusan Tuan Majistret yang memerintahkan OKS yang dihadapkan dengan dua kesalahan trafik di bawah Akta
E Pengangkutan Jalan 1987 dibebaskan atas jaminan sebanyak RM3,000 untuk setiap kes dengan cagaran bernilai dan dengan seorang penjamin sementara menunggu perbicaraan dua kes tersebut. OKS mendakwa bahawa kesalahan yang dipertuduhkan terhadap beliau adalah satu kesalahan kes saman dan bukan
F jenayah. Menurut OKS, kesalahan di bawah kes-kes saman lazimnya tidak perlu dikenakan jamin oleh kerana beliau telah hadir sendiri ke mahkamah untuk menjawab saman tersebut. OKS mendakwa seterusnya bajawa Tuan Majistret telah khilaf bila memerintahkan beliau diarahkan dijamin keluar sementara
G menunggu perbicaraan kes beliau. OKS memohon perintah Tuan Majistret itu dibatalkan dan wang jaminan beliau dipulangkan.

Diputuskan (mengekalkan keputusan Majistret; menolak permohonan OKS):

H **(1)** Peruntukan s. 387 Kanun Prosedur Jenayah adalah jelas menunjukkan tidak semestinya jamin hanya boleh diperintahkan terhadap kes-kes tangkap (arrest cases) sahaja dan tidak juga hanya terpakai terhadap tertuduh yang dibawa ke hadapan mahkamah melalui tangkapan atau ditahan dengan tanpa waran
I oleh pegawai polis sahaja. Ternyata bahawa peruntukan ini juga terpakai kepada keadaan dalam mana tertuduh merupakan orang yang hadir ke mahkamah untuk menjawab satu kes saman termasuklah saman trafik. (perenggan 14)

(2) OKS dihadapkan dengan empat pertuduhan dalam dua kertas pertuduhan yang berasingan. Dua dari pertuduhan tersebut adalah merupakan satu kesalahan di bawah s. 119(1)(b) APJ iaitu kesalahan kerana enggan menurunkan tandatangan beliau di atas Notis Polis 257. Tindakan OKS enggan menurunkan tandatangannya adalah sesuatu yang boleh dianggap sebagai satu tindakan 'rebellious' dan ini dari awal lagi menunjukkan sikap yang tidak baik serta sikap enggan memberikan kerjasama kepada penjawat awam yang menjalankan tugas rasmi jawatan mereka. Fakta ini serta fakta bahawa dua kemalangan jalan raya yang dilakukan oleh OKS dalam satu transaksi yang sama selang satu minit antara satu sama lain telah menyuntikkan idea kepada keputusan Tuan Majistret untuk mengenakan jamin ke atas OKS bagi memastikan beliau hadir setiap kali kes-kes beliau ditetapkan untuk perbicaraan. (perenggan 15)

(3) Dengan kehadiran OKS di hadapan mahkamah, beliau telah 'submit' kepada bidangkuasa mahkamah oleh itu kebebasan beliau adalah terhalang dan terhad dan dalam keadaan OKS dikatakan 'appears' di hadapan mahkamah maka OKS boleh dibebaskan atas perintah jaminan oleh mahkamah di bawah s. 387(1) KPJ. Sekiranya niat pihak parlimen untuk menghadkan pemakaian s. 387(1) KPJ hanya kepada kes-kes di mana tertuduh dibawa ke mahkamah atas waran tangkap, maka pihak pembuat undang-undang tersebut tidak akan menggunakan perkataan 'or' selepas perkataan-perkataan 'a police officer' dalam seksyen tersebut. Ini jelas menunjukkan OKS yang hadir di hadapan mahkamah kerana mentaati saman yang dikeluarkan terdahulu okeh pihak penguatkuasa undang-undang boleh juga dikenakan perintah pembebasan atas jaminan oleh seorang penjamin sehingga kes saman beliau dilupuskan. (perenggan 17)

(4) Keputusan Tuan Majistret memerintahkan jaminan dikenakan terhadap OKS dalam kes ini tidak melanggari mana-mana peruntukan undang-undang prosedur jenayah. Perintah Tuan Majistret itu boleh dibuat atas budibicara Tuan Majistret itu di bawah s. 387(1) KPJ. Oleh itu, permohonan OKS untuk membatalkan perintah Tuan Majistret yang memerintahkan jaminan dikenakan terhadap OKS dan permohonan OKS untuk mendapatkan semula wang jaminan beliau adalah dengan itu ditolak. (perenggan 5)

Kes-kes yang dirujuk:

Liaw Kwai Wah & Anor v. PP [1987] 1 CLJ 35; [1987] CLJ (Rep) 163 SC ***(dirujuk)***

Loy Chin Hei v. PP [1981] 1 CLJ 177; [1981] CLJ (Rep) 178 HC ***(dirujuk)***

Madjai Sanusi v. PP [2000] 5 CLJ 1 HC ***(dirujuk)***

Michael Raymond Taylor v. PP [1989] 2 CLJ 539; [1989] 2 CLJ (Rep) 1031 HC ***(dirujuk)***

Mohd Jalil Abdullah & Anor v. PP [1996] 5 MLJ 564 ***(dirujuk)***

PP v. Muhari Mohd Jani & Anor [1999] 8 CLJ 430 HC ***(dirujuk)***

Wong Kim Woon v. PP [1999] 2 CLJ 205 HC ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:

Courts of Judicature Act 1964, ss. 31, 35

Criminal Procedure Code, ss. 2(1), 323, 324, 325, 326, 327, 387(1)

Dangerous Drugs Act 1952, s. 39B

Road Transport Act 1987, ss. 43(1), 119(1)(b), (2)

Criminal Procedure Code [Sing], s. 351

Bagi pihak perayu - GSP Ravindran; T/n GSP Ravindran & Co

Bagi pihak PP - Fadzaly Ali TPR

Dilaporkan oleh Suhainah Wahiduddin

PENGHAKIMAN

Pendahuluan

[1] Melalui surat bertarikh 2 Mac 2009, Tetuan GSP Ravindran & Co telah memohon kepada mahkamah ini untuk menyemak keputusan Tuan Majistret Johor Bahru yang memerintahkan Orang Kena Saman, Roseli bin Abd Rahman (OKS) yang dihadapkan dengan dua kes kesalahan trafik di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333) dibebaskan atas jaminan sebanyak RM3,000 untuk setiap kes dengan cagaran bernilai dan dengan seorang penjamin sementara menunggu perbicaraan dua kes tersebut. Perintah Tuan Majistret tersebut dibuat pada 2 Ogos 2007. OKS telah pun dijamin keluar oleh isteri beliau, Rozita binti Ahmad pada hari yang sama. Oleh itu terdapat satu jarak masa yang agak panjang antara tarikh perintah Tuan Majistret dengan tarikh permohonan peguambela OKS memohon semakan dibuat terhadap perintah Tuan Majistret tersebut.

[2] Peguambela OKS menyatakan dalam surat permohonannya seperti berikut: A

(a) Kami sesungguhnya percaya Tuan Majistret telah tersilap dan terkhilaf dari segi undang-undang dengan mengenakan wang-wang jaminan tersebut kerana dalam kes Saman Polis, OKS tidak boleh dikenakan wang jamin. B

(b) OKS dengan rendah diri ingin memohon kepada budibicara Yang Arif di bawah s. 323 Kanun Prosedur Jenayah (KPJ) untuk menyemak rekod-rekod prosiding dalam kes-kes jenayah ini untuk memuaskan kebetulan, kebenaran atau munasabah pendapat perintah yang telah direkodkan atau dijatuhkan oleh mahkamah bawahan. C

(c) Justeru dengan itu, OKS memohon supaya perintah wang-wang jamin tersebut diketepikan dan wang jamin tersebut dipulangkan kepadanya. D

[3] Mengenai bidangkuasa serta kuasa-kuasa Mahkamah Tinggi mengenai semakan diperuntukkan di bawah ss. 323 hingga 327 KPJ dan ss. 31 dan 35 Akta Mahkamah Kehakiman 1964. E Peruntukkan-peruntukkan tersebut di atas telah memberikan kuasa yang cukup luas bagi menentukan sama ada keputusan mahkamah bawahan jenayah itu betul, mengikut undang-undang atau bersesuaian mengenai keputusan, hukuman atau perintah serta teraturnya sesuatu prosiding mahkamah bawahan itu, termasuklah F pada pandangan saya berkaitan perintah mengenai jaminan yang dikeluarkan oleh Tuan Majistret dalam kes ini. Prosedur mengenai semakan telah dihuraikan dengan panjang lebar dalam kes *PP v. Muhari bin Mohd Jani & Anor* [1999] 8 CLJ 430 dan *Liaw Kwai Wah & Anor v. PP* [1987] 1 CLJ 35; [1987] CLJ (Rep) 163. G

[4] Untuk menentukan perintah Tuan Majistret menggenakan jamin terhadap OKS itu betul mengikut undang-undang, teratur dan bersesuaian dalam keadaan kes ini, maka rekod prosiding oleh Tuan Majistret telah diarah untuk dikemukakan dan telah pun H dikemukakan sebelum pendengaran semakan ini.

[5] Setelah mendengar permohonan OKS melalui peguambela terpelajar dan menyemak rekod prosiding yang dikemukakan serta meneliti undang-undang berkaitan dengan hal jaminan dan nas-nas, mahkamah ini mendapati keputusan Tuan Majistret memerintahkan I jaminan dikenakan terhadap OKS dalam kes ini tidak melanggari

A mana-mana peruntukkan undang-undang prosedur jenayah. Perintah Tuan Majistret itu boleh dibuat atas budibicara Tuan Majistret itu di bawah s. 387(1) KPJ. Oleh itu, permohonan OKS untuk membatalkan perintah Tuan Majistret yang memerintahkan jaminan dikenakan terhadap OKS dan permohonan OKS untuk
B mendapatkan semula wang jaminan beliau adalah dengan itu ditolak. OKS sekarang merayu ke Mahkamah Rayuan terhadap keputusan tersebut.

Latarbelakang Fakta Kes

C **[6]** Berdasarkan rekod, OKS telah dituduh atas dua kes yang berasingan di Mahkamah Majistret Johor Bahru iaitu Kes Saman Trafik No. C86-18392-2007 dan C86-18393-2007. Setiap satu kes mengandungi dua pertuduhan. Pertuduhan-pertuduhan tersebut
D adalah seperti berikut:

Kes C86-18392-2007

Pertuduhan Pertama:

> E Bahawa kamu pada 25.6.2007 jam lebih kurang 5.45 petang di KM 4 Jalan Johor Bahru-Kota Tinggi dalam Daerah Johor Bahru, Negeri Johor, sebagai pemandu m/teksi HJ 7144 telah memandu kenderaan tersebut tanpa kecermatan dan perhatian yang sepatutnya terhadap orang lain yang menggunakan jalan itu. Oleh yang demikian itu kamu telah
> F melakukan satu kesalahan di bawah seksyen 43(1) APJ 1987 (Akta 333/87) dan boleh dihukum di bawah seksyen yang sama.

Pertuduhan Kedua:

> G Bahawa kamu pada 25.6.2007 jam lebih kurang 17.45 hours di KM 4 Jalan Johor Bahru Kota Tinggi Dalam Daerah Johor Bahru di Negeri Johor sebagai pemandu M/kar No. HJ 7144 tanpa alasan yang sah telah tidak mematuhi kehendak-kehendak notis yang disampaikan kepada kamu iaitu enggan menanda tangani Notis Polis 257
> H No. AA501172 oleh yang demikian itu kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah seksyen 119(1)(b) Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333/87) dan boleh dihukum dibawah seksyen 119(2) Akta yang sama.

I

Kes C86-18393-2007

Pertuduhan Pertama:

> Bahawa kamu pada 25.6.2007 jam lebih kurang 5.46 petang di KM 4.3 Jalan Johor Bahru Kota Tinggi dalam Daerah Johor Bahru, Negeri Johor, sebagai pemandu m/teksi HJ 7144 telah memandu kenderaan tersebut tanpa kecermatan dan perhatian yang sepatutnya terhadap orang lain yang menggunakan jalan itu. Oleh yang demikian itu kamu telah melakukan satu kesalahan dibawah seksyen 43(1) APJ 1987 (Akta 333/87) dan boleh dihukum di bawah seksyen yang sama.

Pertuduhan Kedua:

> Bahawa kamu pada 25.6.2007 jam lebih kurang 17.46 hours di KM 4.3 Jalan Johor Bahru Kota Tinggi dalam Daerah Johor Bahru di Negeri Johor sebagai pemandu m/kar HJ 7144 tanpa alasan yang sah telah tidak mematuhi kehendak-kehendak notis yang disampaikan kepada kamu iaitu enggan menandatangani Notis Polis 257 No. AA501170, oleh yang demikian itu kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah seksyen 119(1)(b) Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333/87) dan boleh dihukum dibawah seksyen 119(2) Akta yang sama.

[7] Kesalahan di bawah s. 43(1) APJ 1987, jika sabit kesalahan boleh dikenakan hukuman denda tidak kurang daripada RM4,000 dan tidak lebih daripada RM10,000 dan boleh juga dikenakan penjara tidak melebihi daripada tempoh 12 bulan. Manakala kesalahan di bawah s. 119(1)(b) APJ 1987, jika sabit kesalahan boleh membawa hukuman denda sehingga RM2,000 atau penjara sehingga satu tempoh tidak melebihi enam bulan dan bagi setiap satu kesalahan berikutnya, boleh dikenakan denda sehingga RM4,000 atau penjara sehingga satu tempoh tidak melebihi daripada 12 bulan atau pun kedua-duanya, seperti diperuntukkan di bawah s. 119(2) Akta yang sama.

[8] OKS mendakwa bahawa kesalahan yang dipertuduhkan terhadap beliau adalah satu kesalahan kes saman dan bukan jenayah. Kesalahan di bawah kes-kes saman lazimnya tidak perlu dikenakan jamin oleh kerana beliau telah hadir sendiri ke mahkamah untuk menjawab saman tersebut. OKS mendakwa seterusnya bahawa Tuan Majistret telah khilaf bila memerintahkan beliau diarahkan dijamin keluar sementara menunggu perbicaraan kes

A beliau. OKS memohon perintah Tuan Majistret itu dibatalkan dan wang jaminan beliau dipulangkan. OKS juga mendakwa jika kesalahan kecil di bawah APJ 1987 boleh dikenakan jamin maka ini akan mendorong penyalahgunaan kuasa oleh para Majistret.

B **Undang-undang Mengenai Jaminan**

[9] Berkaitan dengan perkara jamin (bail), terdapat tiga kategori kesalahan-kesalahan iaitu kesalahan yang boleh dijamin (bailable), kesalahan yang tidak boleh dijamin (non-bailable) dan ketiganya ialah kesalahan langsung tidak boleh dijamin (unbailable) iaitu di
C mana statut yang berkenaan memperuntukkan bahawa kesalahan itu tidak boleh dijamin, contohnya kesalahan di bawah s. 39B Akta Dadah Berbahaya 1952 berdasarkan s. 41B Akta yang sama (lihat *Loy Chin Hei v. PP* [1981] 1 CLJ 177; [1981] CLJ (Rep) 178). Bagi menentukan apakah kategori bagi sesuatu kesalahan itu,
D rujukan hendaklah dibuat kepada Jadual Pertama kepada KPJ. Seksyen 2(1) KPJ telah memberikan tafsiran perkataan 'bailable offence' dan 'non-bailable offence' seperti berikut:

> E "bailable offence" means an offence shown as bailable in the First Schedule to this Code or which is made bailable by any other law for the time being in force and "non-bailable offence" means any other offence.

[10] Bagi kesalahan-kesalahan yang tidak termasuk di bawah
F Kanun Keseksaan, terdapat peruntukkan di akhir Jadual Pertama kepada KPJ yang menetapkan bahawa bagi kesalahan-kesalahan yang membawa hukuman mati atau hukuman penjara tidak kurang daripada tiga tahun maka kesalahan-kesalahan tersebut dikelaskan sebagai "not bailable". Bagi kesalahan-kesalahan yang membawa
G hukuman penjara kurang daripada tiga tahun atau pun kesalahan-kesalahan yang hanya membawa hukuman denda sahaja, maka kesalahan-kesalahan tersebut dikelaskan sebagai "bailable". Ini termasuklah kesalahan-kesalahan yang dimulakan dengan saman. Oleh itu, kesalahan-kesalahan yang dihadapi oleh OKS adalah
H kesalahan-kesalahan yang terjumlah di bawah klasifikasi sebagai "bailable offence". Bagi kesalahan-kesalahan yang boleh dijamin (bailable), maka orang yang dituduh sama ada dibawa melalui waran tangkap atau pun hadir sendiri (appears) melalui satu saman, berhak untuk mendapat jamin 'as of right'. Jaminan bagi
I kesalahan-kesalahan boleh dijamin diperuntukkan di bawah s. 387

KPJ dan jamin boleh diberikan sama ada oleh mahkamah atau pun oleh seorang pegawai polis. Seksyen 387 KPJ memperuntukkan seperti berikut:

> **387. When person may be released on bail**
>
> (1) When any person other than a person accused of a non-bailable offence is arrested or detained without warrant by a police officer or appears or is brought before a Court and is prepared at any time while in the custody of such officer or at any stage of the proceedings before such Court to give bail, such person shall be released on bail by any police officer in charge of a police station or by any police officer not under the rank of Corporal or by such Court.
>
> (2) Such police officer or such Court, if he or it thinks fit, may instead of taking bail from such person, discharge him on his executing a bond without sureties for his appearance as hereinafter provided.

[11] Dalam kes *Mohd Jalil bin Abdullah & Anor v. PP* [1996] 5 MLJ 564, Nik Hashim PK (ketika itu) memberikan pandangan bahawa oleh kerana perkataan-perkataan yang digunakan dalam s. 387 KPJ tersebut berupa "shall be released on bail" maka mandatori pesalah tersebut dibebaskan atas jamin sebagai satu hak yang mutlak. Di ms 567, YA menyatakan seperti berikut:

> The term 'shall be released on bail' under s. 387(1) is mandatory (see *R v. Lim Kwang Seng & Ors* [1956] MLJ 178). *Bashir A. Mallal's Criminal Procedure* (4th Ed) observed at p 549:
>
> It must be noted that a person accused of a bailable offence who is detained or arrested without warrant is entitled to bail, as a matter of right and not as a favour. The court or a police officer is bound to comply with this section. A magistrate is not competent to refuse bail unless the law sanctions such refusal.
>
> In bailable offences there is no question of any discreation in granting bail. The provisions of this section are imperative.
>
> In English common law, refusal or delay by any judge or magistrate to bail any person bailable is an offence against the liberty of the subject: 4BI Com 297.

A However bad a character an accused may possess he is undoubtedly entitled to be proceeded against according to law and not to be deprived of his liberty except in due course of law. Hence where an accused is rightly entitled to be on bail his bail cannot be cancelled except in due course of the law: *Bashiruddin v. R* AIR [1932] All 327.
B

[12] Abdul Wahab H dalam kes *Wong Kim Woon v. PP* [1999] 2 CLJ 205 bersetuju dan menyatakan seperti berikut:

The words 'shall be released on bail', given their literal and natural
C meaning, mean that bail must be offered. This has been so held in *R v. Lim Kwang Seng & Ors* [1956] MLJ 178. In *Mohd Jalil bin Abdullah & Anor v. PP* [1996] 5 MLJ 564, Nik Hashim JC (as he then was) held that bail is mandatory under s. 387. I respectfully agree with these views.

D **[13]** Pada pandangan saya, seseorang itu berhak mendapat jamin atau diperintahkan dijamin di bawah s. 387 KPJ mestilah memenuhi syarat-syarat berikut:

(a) dihadapkan dengan pertuduhan yang boleh dijamin (bailable
E offence); dan

(b) telah ditangkap atau ditahan tanpa waran oleh pegawai polis; atau

(c) hadir atau dikemukakan ke hadapan mahkamah; dan

F (d) bersedia pada bila-bila masa semasa dalam tahanan pihak polis atau pada mana-mana peringkat prosiding di mahkamah untuk dijamin (bersedia dengan syarat-syarat jaminan yang dikenakan oleh mahkamah termasuk ada penjamin, sekuriti untuk jaminan itu serta lain-lain syarat tertentu yang
G ditetapkan oleh mahkamah sedia dipatuhi).

[14] Peruntukan s. 387 KPJ tersebut adalah jelas menunjukkan tidak semestinya jamin hanya boleh diperintahkan terhadap kes-kes tangkap (arrest cases) sahaja dan tidak juga hanya terpakai terhadap tertuduh yang dibawa ke hadapan mahkamah melalui
H tangkapan atau ditahan dengan tanpa waran oleh pegawai polis sahaja. Pada pandangan saya setelah meneliti keluasan s. 387 KPJ tersebut, ternyata bahawa peruntukkan ini juga terpakai kepada keadaan dalam mana tertuduh merupakan orang yang hadir ke mahkamah untuk menjawab satu kes saman termasuklah saman
I trafik dalam kes di hadapan saya sekarang. YA Abdul Malik Ishak

H (ketika itu) dalam kes *Madjai Sanusi v. PP* [2000] 5 CLJ 1 telah menerangkan maksud perkataan "appears" yang terdapat dalam s. 387(1) APJ setelah memetik beberapa keputusan kes dari India, seperti berikut:

> The expression "appears or is brought before a court" in s. 387(1) of the CPC makes for interesting reading. The word "appears" is often used in the context of a summons case whereas the expression "is brought before a court" is used in the context of warrant of arrest (*Bhramar v. State of Orissa* [1981] Cri LJ 1057; and *State v. Dallu Punja* [1954] Cri LJ 1052). The word "appears" connotes personal appearance and not appearance through counsel (*State of Uttar Pradesh v. Kailash* AIR [1955] UP 97). It was held in *PP v. Manikya Rao* AIR [1959] Andra Pradesh 639 at p. 641 that the words "is brought before a court" involve the idea that the "accused is produced before a court" and by the word "appear" it shows that the accused has surrendered himself in obedience to a process of court.

[15] Di hadapan saya, hujahan peguambela terpelajar bahawa s. 387(1) KPJ tidak terpakai kepada OKS kerana ini kes saman dan OKS dikatakan hadir sendiri ke mahkamah berikutan pengeluaran Notis Polis 257 adalah tidak benar dan tidak dapat diterima. OKS dalam kes ini dihadapkan dengan empat pertuduhan dalam dua kertas pertuduhan yang berasingan. Dua dari pertuduhan tersebut adalah merupakan satu kesalahan di bawah s. 119(1)(b)APJ iaitu kesalahan kerana enggan menurunkan tandatangan beliau di atas Notis Polis 257. Tindakan OKS enggan menurunkan tandatangannya adalah sesuatu yang boleh dianggap sebagai satu tindakan "rebellious" dan ini dari awal lagi menunjukkan sikap yang tidak baik serta sikap enggan memberikan kerjasama kepada penjawat awam yang menjalankan tugas rasmi jawatan mereka. Fakta ini serta fakta bahawa dua kemalangan jalan raya yang dilakukan oleh OKS dalam satu transaksi yang sama selang satu minit antara satu sama lain, pada fikiran saya telah menyuntikkan idea kepada keputusan Tuan Majistret untuk mengenakan jamin ke atas OKS bagi memastikan beliau hadir setiap kali kes-kes beliau ditetapkan untuk perbicaraan. Ini juga bertujuan bagi mengelakkan sebarang kelewatan dalam perlupusan kes-kes tersebut. Faktor kemungkinan OKS tidak menghadirkan diri semasa perbicaraan tidak boleh diketepikan begitu saja lebih-lebih lagi sikap dari awal lagi yang ditunjukkan oleh OKS yang enggan memberikan kerjasama kepada pihak polis semasa siasatan dilakukan.

[16] Dalam kes *Michael Raymond Taylor v. PP* [1989] 2 CLJ 539; [1989] 2 CLJ (Rep) 1031, satu kes dari Singapura diputuskan oleh Chua J melibatkan tafsiran s. 351 Kanun Prosedur Jenayah Singapura yang *pari materia* dengan s. 387 KPJ bahawa keputusan majistret membebaskan perayu atas jaminan SD$150,000 adalah betul serta selaras dengan peruntukkan s. 351 tersebut. Fakta ringkas dalam kes itu adalah seperti berikut. Perayu telah diserahkan dengan saman untuk hadir ke mahkamah bagi menjawab beberapa pertuduhan di bawah Akta Syarikat. Pada hari pemulangan saman tersebut, kes telah ditangguhkan dan majistret telah memerintahkan perayu dibebaskan dengan jaminan oleh seorang penjamin. Perayu merayu ke Mahkamah Tinggi terhadap keputusan majistret dengan mendakwa bahawa majistret tiada kuasa untuk membuat perintah tersebut. Perayu juga berhujah bahawa dia telah hadir dengan rela sendiri ke mahkamah dan jika beliau gagal hadir maka dalam keadaan itu barulah majistret boleh mengeluarkan waran tangkap ke atas beliau dan boleh kemudiannya mengenakan perintah jaminan terhadap beliau. Hujahan yang sama juga diajukan oleh peguambela terpelajar dalam kes di hadapan saya. Chua J menolak rayuan perayu dan menyatakan berikut:

> The magistrate was correct in his view that a person who is served with a summons and in obedience thereto 'appears' in court within the meaning of section 351. This construction is supported by a reading of the form of a summons, Form 1 of Sch B, where the words used are 'You are here required to appear'. But in relation to the issuance of a warrant, Form 2 of Sch B, the Commissioner of Police is directed 'to arrest the said … and to produce him before the court'. Judicial interpretation of 'appears' also supports the magistrate's view that 'appears' is 'appears in answer to a summons'(see *R v. Tottenham Juvenile Court* [1982] 2 All ER 221 at p 326). In *Bhramar v. State of Orissa* [1981] Cri LJ 1057 PK Mohanti J referring to section 437 of the Indian Criminal Procedure Code, when bail may be taken in case of non-bailable offence, stated (at p 1059) that the expression 'is brought before a court' is used in relation to the issue of a warrant, while the expression 'appears' is used in relation to the issue of a summons. A similar view was expressed in *State v. Dulla Punja* [1954] Cri LJ 1052 at p 1053. It was held in *PP v. Manikya Rao* AIR [1959] Andra Pradesh 639 at p 641 that the words 'is brought before a court' involve the idea that the 'accused is produced before a court' and the word 'appear' that the accused has surrendered himself in obedience to a process of court. This would obviously include a summons.

[17] Dengan kehadiran OKS di hadapan mahkamah, beliau telah 'submit' kepada bidangkuasa mahkamah oleh itu kebebasan beliau adalah terhalang dan terhad dan dalam keadaan OKS dikatakan 'appears' di hadapan mahkamah maka OKS boleh dibebaskan atas perintah jaminan oleh mahkamah di bawah s. 387(1) KPJ. Sekiranya niat pihak Parlimen untuk menghadkan pemakaian s. 387(1) KPJ hanya kepada kes-kes di mana tertuduh dibawa ke mahkamah atas waran tangkap, maka pihak pembuat undang-undang tersebut tidak akan menggunakan perkataan "or" selepas perkataan-perkataan "a police officer" dalam seksyen tersebut. Ini jelas menunjukkan OKS yang hadir di hadapan mahkamah kerana mentaati saman yang dikeluarkan terdahulu oleh pihak penguatkuasa undang-undang boleh juga dikenakan perintah pembebasan atas jaminan oleh seorang penjamin sehingga kes saman beliau dilupuskan. Walaupun begitu, pada pandangan saya tidak semua kes-kes saman terutama saman trafik wajar dikenakan perintah yang sama. Sebelum seorang majistret menggunapakai kuasa diperuntukkan bawah s. 387(1) KPJ ini, seharusnya pertimbangan diberikan kepada keadaan khas sesuatu kes berkenaan. Keutamaan hendaklah diberikan kepada faktor keberatan dan seriusnya pertuduhan yang dihadapkan serta kepercayaan majistret yang mengendalikan kes itu tentang sama ada OKS akan patuh dan terus menghadirkan dirinya pada tarikh-tarikh perbicaraan yang ditetapkan bagi memastikan kes dapat dilupuskan tanpa tertunggak.

[18] Tujuan jamin diberikan adalah untuk memastikan kehadiran tertuduh ke mahkamah. Jumlah jaminan tidak seharusnya terlalu tinggi sehingga membebankan serta tidak pula menggenakan lain-lain syarat sehingga menghalang tertuduh dibebaskan atas jamin. Dalam kes di hadapan saya, OKS tidak mencabar jumlah wang jaminan yang dikenakan oleh Tuan Majistret. Saya pasti dengan perintah jamin yang dikenakan terhadap OKS ini dapat memastikan kehadiran beliau di mahkamah sehingga kes beliau dilupuskan.

[19] Selepas menyemak rekod prosiding dalam kes ini dan atas alasan-alasan yang disebutkan di atas, saya mendapati keputusan Tuan Majistret adalah betul dan tidak bersalahan di bawah undang-undang dan prosedur. Perintah Tuan Majistret menggenakan jamin dalam kes ini terhadap OKS juga bersesuaian dalam keadaan

A kes ini. Saya juga mendapati tiada berlaku penyalahgunaan kuasa oleh Tuan Majistret dalam kes ini sebagaimana di khuatiri oleh OKS. Oleh itu keputusan Tuan Majistret dikekalkan dan permohonan OKS ditolak.

B

C

D

E

F

G

H

I